

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Dewasa ini , salah satu daripada isu mutakhir yang sedang hangat diperkatakan di Malaysia ialah masalah sosial di kalangan remaja terutama dalam penyalahgunaan bahan (Substance Abuse) . Masalah sosial ini boleh didefinisikan sebagai petanda yang menunjukkan unsur keruntuhan akhlak pemuda -pemudi khasnya para pelajar dari segi rohani dan jasmani. Golongan remaja memainkan peranan yang sangat penting dalam masyarakat Mereka merupakan barisan pelapis bakal menjadi pemimpin negara yang bertanggungjawab untuk menjanakan kemajuan negara pada masa yang akan datang. Selain itu , remajalah yang bakal mengcap nikmat kehidupan dan kemodenan hasil pembangunan negara yang pesat pada tahun 2020. Maju mundur sesebuah nagara pada masa kelak amat bergantung kepada golongan remaja , oleh yang demikian , pembabitian remaja dalam masyarakat semakin mendapat perhatian daripada semua lapisan masyarakat .

Gejala sosial di kalangan remaja terutama pelajar telah membawa kesan yang amat buruk kepada semua lapisan masyarakat termasuk remaja sendiri . Antara gejala sosial yang kian kerap berlaku akibat remaja ialah seperti merokok , meminum minuman keras , pengambilan pelbagai jenis dadah , gangterism dan sebagainya .

Apakah sebenarnya punca menyebabkan pelajar terlibat dalam kegiatan yang negatif ini ? Keadaan dunia yang semakin materialistik menyebabkan ibu bapa sibuk mengejar kekayaan dan tidak meluangkan masa yang mencukupi untuk membentuk dan mendidik anak mereka agar menjadi insan yang salih dan kamil . Pengaruh rakan sebaya serta pengaruh media massa yang memaparkan bahawa sifat kebendaan merupakan segala dalam kehidupan telah mengerat remaja ke jalan yang salah .

Kegawatan krisis identiti di kalangan remaja telah mewujudkan virus baru dan akhirnya boleh meruntuhkan nilai sosial masyarakat . Remaja secara psikologinya berada di peringkat metamorfosis yang menjadi detik penghitungan kritikal sebelum melangkah ke alam dewasa . Dalam meniti usia muda inilah juga kadangkala remaja membuat kesilapan yang memudaratkan mereka kelak .

Perangkaan Pendidikan di Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun (1997) menunjukkan bahawa seramai 26 peratus daripada penduduk Malaysia merupakan golongan pelajar . Merekalah merupakan golongan yang menjadi harapan masyarakat untuk memaju dan membangunkan negara pada masa akan datang . Sebagai kumpulan yang diharapkan untuk membangunkan negara , mereka perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan , kemahiran dan ketahanan jiwa bagi meneruskan kemajuan dan pembangunan negara .

Peach (1991) dalam satu kertas kerja bertajuk " A study concerning stress among high school students in selected rural school", yang dibentangkan di Seminar Pendidikan Tahunan di Cooksville, United States menyatakan bahawa remaja yang menuntut di sekolah menengah merupakan golongan yang paling mudah terjebak dalam gejala sosial dan penuh dengan masalah kerana mereka berada di peringkat usia remaja iaitu peringkat berlakunya banyak perubahan dari segi biologi dan emosi yang memerlukan mereka membuat penyesuaian . Presiden Persatuan Kesihatan Mental Malaysia , Dr . Cheah Wing Yin, (The Leader, 26 Julai 1996) di mana menyatakan bahawa golongan muda yang berusia tiga belas hingga dua puluh lima tahun merupakan golongan yang paling ramai didapati mengalami penyakit mental

seperti skizofernia disebabkan oleh tekanan yang mereka alami dan mendorong mereka melakukan perkara negatif .

Pendapat di atas menunjukkan bahawa golongan muda termasuk pelajar sekolah menengah atau kolej merupakan golongan yang mudah terlibat dalam penyalahgunaan bahan . Kegiatan ini boleh menyebabkan gangguan kepada fizikal dan psikologi yang mungkin menyebabkan mereka tidak dapat memanfaatkan peluang yang diberi kepada mereka dengan baik . Jika keadaan ini berterusan , remaja tidak akan dapat memainkan peranan sebagai warganegara yang bertanggungjawab pada masa hadapan .

1.2 Penyataan Masalah

Golongan remaja merupakan golongan yang menjadi harapan masyarakat untuk meneruskan kesinambungan pembangunan negara pada masa akan datang. Namun apa yang nyata pada hari ini , terdapat remaja yang menunjukan perilaku yang kurang menyenangkan di mata masyarakat seperti menyalahgunakan dadah, pengambilan alkohol, menghisap rokok, mencederakan orang lain dan melanggar disiplin sekolah (Berita Harian, 20 September 1997) .

Suasana keluarga yang tidak harmoni, sikap ibu bapa, persekitaran, rakan sebaya, kebebasan yang diberi oleh ibubapa , kekayaan dan sebagainya secara tidak langsung membawa remaja ini ke satu alam yang baru di mana alam itu menjadikan mereka lebih aggresif dan suka menunjukkan kebebasan mereka dengan pelbagai cara yang salah di sisi undang

Dalam dunia yang semakin mementingkan kenikmatan material ini, ibubapa terlalu ghairah memburu kekayaan , kuasa dan kedudukan sosial. Mereka jarang sekali meluangkan masa untuk mendampingi anak-anak kerana terlalu sibuk . Akibatnya , kaum muda -mudi hilang tempat mengadu masalah dan tempat mendapatkan belaian kasih sayang . Mereka ini akan beralih kepada kawan -kawan sebaya untuk meluahkan isi hatinya dan menghilangkan rasa kesunyian . Jika kawan mereka juga bermasalah dan terlibat dalam gejala negatif sosial maka mereka pun akan terikut jejak kawannya .

Kebebasan yang diperoleh daripada keluarga menyebabkan kebanyakan remaja terutama yang belajar di kolej swasta mengambil kesempatan untuk menggunakan kebebasan itu sewenang. Ibu bapa yang memberi kebebasan terlampau mendorong remaja melakukan apa-apa sahaja yang terlintas dalam fikiran mereka untuk mengisi kebebasan mereka tanpa menimbangkan baik

buruk akibat perbuatan mereka . Kebebasan ini lama kelamaan mendorong mereka melibatkan diri dalam penyalahgunaan bahan.

Dedaun pokok tidak akan berliuk lintuk tanpa tiupan angin. Demikianlah juga , setiap kesalah lakuan yang membabitkan kaum remaja kita ada pokok pangkalnya .Kita perlu mengenalpasti faktor yang mendorong pelajar terlibat dalam penyalahgunaan bahan sebelum dapat merumuskan penawar yang mujarab untuk mengubatinya .

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menyelidik kelaziman penyalahgunaan bahan (Substance Abuse) dan menerokai hubungan tabiat ini dengan faktor individu, keluarga , rakan sebaya dan persekitaran pembelajaran di kalangan pelajar di sebuah kolej swasta di Subang Jaya.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan menjawab empat soalan berikut :

- a . Apakah faktor yang mendorong remaja untuk menyalahgunakan bahan ?
- b . Apakah jenis bahan (Substances) yang disalahgunakan ?

- c . Adakah perbezaan di antara jantina dengan penyalahgunaan bahan ?
- d . Apakah kesan tabiat ini terhadap keseluruhan pencapaian pelajar ?

1.5 Signifikan Kajian

Dua puluh enam peratus daripada penduduk Malaysia ialah pelajar, maka mereka merupakan harapan bangsa untuk memaju dan membangunkan negara pada masa akan datang , oleh itu pelajar perlu melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan yang mencukupi dengan memanfaatkan peluang pendidikan yang diperuntukkan kepada mereka sebaik mungkin . Pelajar mungkin tidak dapat memanfaatkan peluang pendidikan tersebut sekiranya mereka melibatkan diri dalam penyalahgunaan bahan . Kajian mengenai penyalahgunaan bahan di kalangan pelajar adalah penting kerana maklumat yang diperolehi daripada kajian ini akan dapat menambahkan pengetahuan mengenai apakah faktor yang mendorong pelajar terlibat dalam kegiatan ini, bilangan yang terlibat mengikut jantina, jenis bahan yang disalahgunakan, kesan tabiat ini terhadap pencapaian akademik mereka dan cara mengatasinya.

Penemuan kajian ini juga akan memberi gambaran yang lebih jelas kepada pihak tertentu supaya mereka dapat mengambil beberapa langkah yang efektif untuk mengurangkan penyalahgunaan ini . Ibu bapa pula melalui

kajian ini , dapat sedikit sebanyak panduan bagaimana berurusan dengan remaja dan betapa pentingnya kawalan terhadap anaknya .

1.6 Batasan Kajian

Tidak dapat dinafikan sesuatu perkara yang berlaku dalam kehidupan adalah hasil interaksi daripada beberapa perkara yang saling mempengaruhi . Penyalahgunaan bahan di kalangan pelajar boleh berlaku kerana beberapa faktor . Adalah sukar untuk mengambil kira semua perkara dalam satu kajian . Oleh itu kajian ini menghadkan skopnya kepada faktor mendorong pelajar terlibat dalam penyalahgunaan ini.

Kajian ini dijalankan ke atas 60 orang pelajar yang mengikuti kursus pra-universiti di sebuah kolej swasta di Subang Jaya . Oleh itu , semua dapatan yang akan diperolehi daripada kajian ini hanya boleh dibuat generalisasi untuk pelajar yang tinggal di sekitar kawasan tersebut sahaja .

1.7 Peristilahan

Beberapa istilah penting yang digunakan dalam kajian ini diperjelaskan seperti berikut :

1.7.1 Penyalahgunaan bahan

Bahan yang dikategorikan membahayakan kesihatan seseorang, merangsangkan individu dan mendorong kesalahan lakuan tanpa kesedaran serta diharamkan oleh kerajaan terutama di kalangan remaja di bawah umur 18 tahun .

1.7.2 Kolej Swasta

Sebuah institusi pendidikan yang dikendalikan oleh badan swasta atau persendirian . Kebanyakan kursus yang ditawarkan oleh kolej swasta adalah kursus luar negara , di mana kolej swasta akan berganding dengan Universiti luar negara. Kursus yang ditawarkan mestilah mendapat pengiktirafan dari Kementerian Pendidikan Malaysia dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh kementerian .